| | |
|---|---|
| **Fixed Term Account-i (FTA-i)**<br>***Akaun Berjangka Tetap-i (ABT-i)***<br>Eligible for Protection by PIDM / *Layak dilindungi oleh PIDM*<br><br>**Date / *Tarikh*:**<br>[The date is to be filled in by Sales Personnel / *Tarikh ini untuk diisi oleh Staf*] | **PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS) / *RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)***<br><br>**(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take the Fixed Term Account-i. Be sure to also read the Terms & Conditions of the product. Seek clarification from us if you do not understand any part of this document or the general terms / *Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Akaun Berjangka Tetap-i. Sila baca Terma & Syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am*)** |

## 1. What is this product about? / *Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?*

Fixed Term Account-i (FTA-i) is a capital guaranteed deposit with fixed profit return that allows you the flexibility of managing funds according to your short or long-term needs; i.e. minimum term of 1 month and up to maximum of 60 months. This Fixed Term Account-i product is covered by the Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)./ *Akaun Berjangka Tetap-i (ABT-i) adalah deposit yang dijamin modalnya dengan pulangan keuntungan tetap yang memberi anda fleksibiliti untuk menguruskan dana mengikut keperluan jangka pendek atau jangka panjang iaitu tempoh minimum 1 bulan dan sehingga maksimum 60 bulan. ABT-i ini adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).*

If you are a short to medium term investor and looking to earn competitive return on your deposit, regardless whether you are a Muslim or a non-Muslim, then our FTA-i is a suitable product for you. / *Jika anda adalah pelabur jangka sederhana dan mencari peluang untuk mendapatkan pulangan yang kompetitif daripada deposit anda, tanpa mengira sama ada anda seorang Islam atau bukan Islam, maka ABT-i kami adalah sesuai untuk anda.*

Profit is calculated based on the following: / *Keuntungan dikira berdasarkan formula yang berikut:*

Total Profit = Total Placement x Profit Rate x Tenure (in days) / No. of Days in Particular Year

*Jumlah Keuntungan = Jumlah Deposit x Kadar Keuntungan x Tempoh (dalam hari) / Bil. Hari dalam Tahun Tersebut*

## 2. What are the Shariah contracts applicable?: / *Apakah konsep Syariah yang digunakan?:*

FTA-i is based on Shariah concept of Tawarruq concept where it involves you buying a commodity and then selling it at cost plus profit. You will receive the proceeds of your sale in cash on deferred terms. / *ABT-i adalah berdasarkan konsep Syariah iaitu konsep Tawarruq di mana ia melibatkan anda membeli satu komoditi dan kemudian menjual komoditi tersebut pada harga kos bersama keuntungan. Anda akan menerima hasil jualan anda dalam bentuk wang tunai berdasarkan terma-terma yang tertunda*.

This product is structured under the concept of *Tawarruq* and employs a hybrid of Shariah contracts including *Murabahah*, *Wakalah* and *Hamish Jiddiyyah* combined with a promise under *Wa`d* concept. / *Produk ini distrukturkan di bawah konsep Tawarruq dan menggunakan gabungan kontrak Syariah termasuk Murabahah, Wakalah dan Hamish Jiddiyyah digabungkan dengan janji di bawah konsep Wa'd.*

Under the *Wakalah* contract, the customer appoints Bank Muamalat Malaysia Berhad (the "Bank") as a "dual-agent" to purchase and sell Shariah compliant commodities ("Commodity") such as crude palm oil ("CPO"), plastic resin-polyethylene ("PE") or RBD palm olein ("OLN") at a specified time on behalf of the customer. Effectively, the customer will purchase the Commodity (via the Bank acting as their agent) from a supplier at the Purchase Price ("Purchase Transaction"), and thereafter, sell the Commodity (via the Bank acting as their agent) to the Bank at the Sale Price ("Sale Transaction"). This purchase and sale of the Commodity is done on the basis of *Murabahah*. The Sale Price shall be paid by the Bank to the customer on deferred basis. The Bank shall subsequently sell the Commodity to a third party on cash basis. The cash shall be treated as deposit placement from the Customer. The *Tawarruq* transactions shall also be conducted on the following business day of each successful application. Subsequent to the purchase, the Bank shall purchase the commodities from the customer at a mark-up selling price. / *Di bawah kontrak Wakalah, pelanggan melantik pihak Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank") sebagai dwi-ejen untuk membeli dan menjual komoditi-komoditi patuh Syariah ("Komoditi") seperti minyak sawit mentah ("MSM"), resin plastik- polyethylene ("PE") atau olein sawit RBD ("OLN") pada masa yang telah ditetapkan bagi pihak pelanggan. Secara efektifnya, pelanggan akan membeli Komoditi (melalui pihak Bank bertindak sebagai ejen) daripada pembekal pada Harga Belian ("Transaksi Belian"), dan kemudiannya, menjual Komoditi tersebut (melalui pihak Bank bertindak sebagai ejen) kepada pihak Bank pada Harga Jualan ("Transaksi Jualan"). Jual beli Komoditi adalah berasaskan Murabahah. Harga Jualan hendaklah dibayar oleh pihak Bank kepada pelanggan secara tertangguh. Pihak Bank hendaklah seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Wang tunai tersebut akan dianggap sebagai perletakan deposit daripada Pelanggan. Transaksi Tawarruq hendaklah dilaksanakan pada hari perniagaan berikutnya untuk setiap permohonan yang sah. Selepas pembelian, pihak Bank akan membeli komoditi daripada pelanggan pada harga jualan.*

Under the *Tawarruq* concept, the Shariah compliant commodities are used as an underlying asset for sale and purchase transactions. In general, the transaction involves the buying of Shariah compliant commodities by the customer and the

commodity is then sold for cash to the Bank at a selling price which consists of the deposit amount and a fixed profit. / *Di bawah konsep Tawarruq, komoditi patuh Syariah telah digunakan sebagai aset pendasar untuk transaksi belian dan jualan. Secara amnya, transaksi yang melibatkan pembelian komoditi patuh Syariah oleh pelanggan dan komoditi tersebut kemudiannya dijual*

## 3. Who will absorb the brokerage fee? / *Siapakah yang akan menanggung yuran broker?*

BMMB will absorb the brokerage fee. / *Pihak BMMB akan menanggung yuran broker.*

## 4. What is the frequency of the profit payment? / *Apakah kekerapan pembayaran keuntungan?*

- For tenure up to 1 year, the profit will be paid upon maturity. / *Untuk tempoh sehingga 1 tahun, keuntungan akan dibayar setelah mencapai tempoh matang.*
- For tenure above 1 year, the customer may choose the profit payment options as follows: / *Untuk tempoh melebihi 1 tahun, Pelanggan boleh memilih opsyen pembayaran keuntungan seperti yang berikut:*
  - Monthly / *Bulanan*
  - Quarterly / *Suku Tahunan*
  - Semi-annually / *Setengah Tahunan*
  - Annually / *Tahunan*
  - Upon Maturity / *Matang*

## 5. Who is eligible to open this account? / *Siapakah yang layak untuk membuka akaun ini?*

- Individual: / *Individu:*
  - 18 years and above (inclusive of Resident & Non-Resident). / *18 tahun dan ke atas (termasuk Residen & Bukan Residen)*
  - Minor below the age of 18 years old, the deposit will be classified as a Trust Account and to be opened under the name of the parents or legal guardian. / *Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, deposit akan diklasifikasikan sebagai akaun Pemegang Amanah dan akan dibuka di bawah nama ibu bapa atau penjaga yang sah.*
- Joint account is allowed. / *Akaun bersama adalah dibenarkan*.
- Non-Individual: Company, Partnership, Sole Proprietorship and others*. / *Bukan Individu: Syarikat, Perkongsian, Syarikat Milikan Tunggal, dan lain-lain*.*

Note: *Societies, Associations, Club, Organizations and Statutory bodies. / *Nota: *Persatuan, Pertubuhan, Kelab, Organisasi dan Badan-Badan Berkanun.*

## 6. Will I get a certificate? / *Adakah saya akan menerima sijil?*

No, you will receive a Deposit/Renewal Acknowledgement Slip upon account opening / deposit placement / deposit renewal. / *Tidak, anda akan menerima Slip Pengesahan Deposit/Pembaharuan semasa membuka akaun / peletakan deposit / pembaharuan.*

## 7. What is the minimum placement amount and tenure? / *Berapakah jumlah minimum deposit dan tempoh deposit?*

- Minimum initial placement are as follows: / *Minimum deposit awal adalah seperti berikut:*

| Type of Customer / *Jenis Pelanggan* | Tenure / *Tempoh* | MYR / *RM* |
|---|---|---|
| Retail & Corporate / *Runcit & Korporat* | 1 Month / *1 Bulan* | 5,000 |
| | 2 Months and above / *2 Bulan dan ke atas* | 1,000 |

Note: No maximum placement amount. / *Nota: Tiada amaun maksimum deposit.*

- Tenure : / *Tempoh:*

| **Type of Customer /** ***Jenis Pelanggan*** | **Tenure /** ***Tempoh*** |
|---|---|
| Retail / *Runcit* | 1 to 60 months (in multiples of one (1) month) / *1 hingga 60 bulan (dalam gandaan satu (1) bulan)* |

## 8. Is pre-mature withdrawal allowed? / *Adakah pengeluaran pra-matang dibenarkan?*

As this is a capital guaranteed deposit product, the principal amount of the deposit shall be guaranteed and will be returned in full upon any pre-mature withdrawal. However, customers are strongly discouraged from withdrawing their deposits prior to the maturity date of the FTA-i placement because they are at risk of breaking the tenure of the Tawarruq contract. / *Oleh kerana ini adalah produk yang dijamin modal depositnya, amaun prinsipal deposit adalah dijamin dan akan dikembalikan sepenuhnya ke atas sebarang pengeluaran pra-matang. Walau bagaimanapun, pelanggan adalah tidak digalakkan untuk membuat pengeluaran deposit sebelum tarikh matang deposit ABT-i kerana mereka berisiko melanggar tempoh kontrak Tawarruq.*

In line with Bank Negara Malaysia (BNM) requirements on Liquidity Coverage Ratio (“LCR”) and Principles for Sound Liquidity Risk Management and Supervision issued by the Basel Committee on Banking Supervision (“BCBS”), in relation to the definition of “qualifying term funding”, withdrawal prior to contractual maturity of deposit products will result in a loss of 100% of accrued profit. As a result, in the case of pre-mature withdrawal, the Customer hereby agrees and consents that any accrued profit shall be subject to rebate (Ibra’) by the Customer to the BMMB. Prior to the full implementation of the LCR guidelines on 1 January 2019, the quantum of the Ibra’ shall be 50%. Effective from 1 January 2019, the Ibra’ shall be 100%. / *Sejajar dengan syarat Bank Negara Malaysia (BNM) ke atas Nisbah Perlindungan Kecairan ("NPK") dan Prinsip-Prinsip bagi Pengurusan Kecairan dan Penyeliaan Risiko yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan ("JBPP"), berhubung dengan definisi "Tempoh Layak Pembiayaan", pengeluaran sebelum kontrak matang bagi produk deposit akan mengakibatkan kerugian sebanyak 100% daripada keuntungan yang terakru. Oleh itu, bagi pengeluaran pra-matang, pelanggan dengan ini bersetuju dan membenarkan bahawa mana-mana keuntungan yang terakru hendaklah tertakluk kepada Rebat (Ibra') oleh pelanggan kepada BMMB. Sebelum perlaksanaan sepenuhnya garis panduan NPK pada 1 Januari 2019, kuantum Ibra' adalah sebanyak 50%. Selepas perlaksanaan pada 1 January 2019, kuantum Ibra’ adalah sebanyak 100%.*

## 9. What are the other key terms and conditions of this product that I should know? / *Apakah terma-terma dan syarat-syarat lain bagi produk ini yang perlu saya ketahui?*

- Auto-Renewal / *Pembaharuan Automatik*
  - a) Allowed for the same deposit amount and for the same tenure. / *Dibenarkan bagi jumlah deposit yang sama dan untuk tempoh yang sama.*
  - b) Allowed for the deposit amount plus profit and for the same tenure. / *Dibenarkan untuk jumlah deposit bersama keuntungan dan bagi tempoh yang sama.*
  - c) For auto-renewal, the profit is based on the BMMB’s prevailing profit rate at the point of renewal. / *Bagi pembaharuan automatik, keuntungan adalah berdasarkan kepada kadar keuntungan semasa di BMMB semasa pembaharuan.*
- If the customer wishes to opt for different tenure upon maturity, then they should come to the Branch then they should come to the Branch for the execution of rollover. / *Jika pelanggan berhasrat untuk memilih tempoh berbeza pada tempoh matang, maka mereka perlu datang ke cawangan bagi perlaksanaan peralihan*.

## 10. What are the fees and charges that I have to pay? / *Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?*

There are no fees and charges imposed. / *Tiada fi dan caj yang dikenakan.*

**Note: /** *Nota:*

- If there are any changes to the fees and charges from the above structure, we will communicate to you at least twenty one (21) calendar days prior to the effective date of such changes being implemented. / *Sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam fi dan caj ke atas struktur di atas, pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh perlaksanaan tersebut dikuatkuasakan.*

## 11. What are the major risks? / *Apakah risiko utama?*

The customer shall experience the risk associated with conducting pre-mature withdrawal. You are advised to carefully consider all risk factors before making a deposit decision. / *Pelanggan akan mengalami risiko yang berkaitan dengan melaksanakan pengeluaran pra-matang. Anda adalah dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko dengan sewajarnya sebelum membuat keputusan deposit.*

## 12. What do I need to do if there are changes to my contact details? / *Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?*

It is important that you inform us on any changes in your contact information to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. / *Untuk memastikan sebarang surat-menyurat diterima tepat pada masanya, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan di dalam maklumat anda.*

| | | |
|---|---|---|
| **Write in to /** **Tulis kepada** | : | **Bank Muamalat Malaysia Berhad**<br>**Head Office Menara Bumiputra,**<br>**21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.** |
| **Tel** | : | **1300-88-8787** |
| **Website /** **Laman web** | : | **www.muamalat.com.my** |
| **Branch /** **Cawangan** | : | **Any nearby BMMB branches /** **Mana-mana cawangan BMMB yang berdekatan** |

## 13. Where can I get assistance and redress? / *Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan?*

- If you wish to complain on the product or services provided by us, you may contact us at: / *Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk dan servis yang kami sediakan, sila hubungi talian berikut:*

| | | |
|---|---|---|
| **Write in to /** **Tulis kepada** | : | **Bank Muamalat Malaysia Berhad**<br>**Head Office Menara Bumiputra,**<br>**21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.** |
| **Tel** | : | **1300-88-8787** |
| **Website /** **Laman web** | : | **www.muamalat.com.my** |
| **Branch /** **Cawangan** | : | **Any nearby BMMB branches /** **Mana-mana cawangan BMMB yang berdekatan** |

- If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at: / *Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:*

| | | |
|---|---|---|
| **Write in to / Tulis kepada** | **:** | **Block D, Bank Negara Malaysia<br>Jalan Dato' Onn<br>50480 Kuala Lumpur** |
| **Tel** | **:** | **1-300-88-5465** |
| **Fax / Faks** | **:** | **03-21741515** |
| **E-mail / Emel** | **:** | **bnmtelelink@bnm.gov.my** |

## 14. Where can I get further information? / *Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?*

Should you require additional information on this product, kindly refer to the product brochure that available at all our branches and at our website at www.muamalat.com.my. / *Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman sesawang kami di* www.muamalat.com.my.

## 15. Other deposit products available? / *Lain-lain produk deposit sedia ada?*

- Basic Current Account-i (Qard) / *Akaun Semasa Asas-i (Qard)*
- Basic Savings Account-i (Qard) / *Akaun Simpanan Asas-i (Qard)*
- Current Account-i *(Tawarruq)* / *Akaun Semasa-i (Tawarruq)*
- Savings Account-i (Tawarruq) / *Akaun Simpanan-i (Tawarruq)*
- e-Fixed Term Account-i */ e-Akaun Berjangka Tetap-i*

| | |
|---|---|
| Bank Muamalat<br><br>**Fixed Term Account-i (FTA-i)**<br><br>***Akaun Berjangka Tetap-i (ABT-i)***<br><br>Eligible for Protection by PIDM / *Layak dilindungi oleh PIDM*<br><br>**Date / *Tarikh*:**<br>[The date is to be filled in by Sales Personnel / *Tarikh ini untuk diisi oleh Staf*] | **PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS) / *RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)***<br><br>**(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take the Fixed Term Account-i. Be sure to also read the Terms & Conditions of the product. Seek clarification from us if you do not understand any part of this document or the general terms / *Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Akaun Berjangka Tetap-i. Sila baca Terma & Syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am*)** |

## IMPORTANT NOTE / *NOTA PENTING*:

**FIXED TERM ACCOUNT-i (FTA-i) IS PROTECTED BY PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)**

***AKAUN BERJANGKA TETAP-i (ABT-i) ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)***

The information provided in this product disclosure sheet is valid as at / *Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah pada:* ____________________